

**ANALISIS HADITH DALAM KARYA AL-MUNABBIHĀT ‘ALĀ AL-ISTI’DĀD
LI YAWM AL-MA’ĀD**

4.0 Pendahuluan

Bab ini adalah kesinambungan daripada bab yang terdahulu. Ia memfokuskan analisis data-data dan hasil kajian dari bab sebelumnya, menggunakan metode kualitatif dan kuantitatif. Data-data tersebut diulas dan dinilai dalam angka dan peratus. Perbincangan bab ini meliputi beberapa bahagian seperti berikut:

- a) Analisis bilangan hadith mengikut persamaan matan dalam sumber hadith.
- b) Analisis riwayat dalam karya *al-Munabbihāt ‘Alā al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād*.
 - i. Kekerapan riwayat
 - ii. Kategori riwayat
 - iii. Rumusan
- c) Analisis sumber rujukan hadith dalam karya *al-Munabbihāt ‘Alā al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād*.
 - i. Kekerapan sumber
 - ii. Bentuk dan kategori sumber.
 - iii. Rumusan
- d) Analisis status hadith dalam karya *al-Munabbihāt ‘Alā al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād*.

- i. Status dan kekerapannya
- ii. Rumusan

4.1 Analisis Bilangan Hadith Mengikut Persamaan Matan Dalam Sumber Hadith

Berikut adalah hasil dapatan daripada analisa yang dilakukan ke atas 51 buah hadith yang terdapat di dalam karya *al-Munabbihāt ‘Alā al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād*.

| Keputusan Takhrij Dan Analisa | | |
|--|----------------------|--------------------|
| Status | Jumlah hadith | Peratus (%) |
| Ditemui lengkap dan tepat | 1 | 1.96 |
| Ditemui bertambah satu huruf | 1 | 1.96 |
| Ditemui lafaz hadith sedikit berbeza, tetapi tidak menjelaskan makna | 3 | 5.88 |
| Ditemui bertambah lafaz hadith | 4 | 7.84 |
| Ditemui salah susunan lafaz hadith | 13 | 25.5 |
| Ditemui lafaz hadith sangat tidak tepat | 7 | 13.7 |
| Ditemui sebahagian lafaz sahaja | 5 | 9.8 |
| Tidak ditemui | 17 | 33.3 |
| JUMLAH KESELURUHAN | 51 | 100% |

Jadual 2: Keputusan Takhrij Hadith *al-Munabbihāt ‘Alā al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād*

Keputusan menunjukkan bahawa hadith yang tidak ditemui sumbernya mencatatkan rekod tertinggi, iaitu sebanyak 17 buah hadith. Selebihnya, 34 buah hadith ditemui dalam pelbagai keadaan. Hanya sebuah hadith sahaja ditemui lengkap dan tepat, sama seperti yang dinukilkan oleh pengarang karya *al-Munabbihāt ‘Alā al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād*.

Sebuah hadith juga ditemui dalam keadaan lengkap, namun tidak tepat, lantaran berlaku pertambahan huruf (ڻ) pada lafaz yang dinukilkan oleh pengarang. Tiga buah hadith ditemui dalam keadaan lafaznya sedikit berbeza. Namun penulis mendapati perbezaan lafaz tersebut tidak menjaskan makna yang ingin disampaikan oleh hadith.

Sebanyak empat buah hadith ditemui berlaku pertambahan lafaz dan 13 buah hadith yang lain pula ditemui dalam keadaan salah susun aturnya. Lafaz hadith yang dinukilkan berkeadaan sangat tidak tepat pula ditemui sebanyak tujuh buah hadith.


Sebanyak lima buah hadith ditemui dalam keadaan beberapa potongan teks hadith sahaja, bukan sesempurna teks hadith sebagaimana yang dinukilkan dalam karya *al-Munabbihāt ‘Alā al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād*.

4.2 Analisis Riwayat Dalam Karya *Al-Munabbihāt ‘Alā Al-Isti’dād Li Yawm Al-Ma’ād*

4.2.1 Kekerapan Riwayat

Karya *al-Munabbihāt ‘Alā al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād* disusun dan dibahagikan kepada sembilan bab kesemuanya. Setiap bab mengandungi jumlah hadith yang berbeza. Kesemua hadith di dalam karya ini berjumlah sebanyak 51 hadith. Berikut adalah butiran berkaitan bab dan hadith-hadith yang terkandung di dalamnya:

Hadith-hadith di dalam karya *al-Munabbihāt ‘Alā al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād*



Carta 1: Taburan Hadith *al-Munabbihāt ‘Alā al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād*

Menurut pemerhatian, bab *'usyārī* merupakan bab yang paling banyak dinukilkhan hadith, iaitu sebanyak 13 buah hadith. Sebaliknya, bab yang mengumpulkan paling sedikit hadith adalah bab *thumānī* dan *tusā'ī*, di mana masing-masing bab menukilkan hanya sebuah hadith sahaja.

Bab *thunāī* mengandungi sebanyak empat buah hadith. Bab *thulāthī* dan *rubā'ī* masing-masing mengandungi sebanyak sembilan buah hadith. Bab *khumāsī* pula mengandungi sebanyak tujuh buah hadith, diikuti bab *sudāsī* sebanyak dua buah hadith dan bab *subā'ī* sebanyak lima buah hadith.

4.2.2 Katagori Riwayat Dalam Karya *Al-Munabbihāt ‘Alā Al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād*

Al-Ma’ād

| Perkara \ Jenis | <i>Marfū'</i> | <i>Mawqūf</i> | <i>Mursal</i> | <i>Maqtū'</i> | Bukan Hadith | Tidak dapat dikenal pasti | Tidak ditemui |
|--|---------------|---------------|---------------|---------------|--------------|---------------------------|---------------|
| <i>Al-Munabbihāt ‘Alā Al-Isti’dād Li Yawm Al-Ma’ād</i> | 50 | - | - | - | - | 1 | - |
| Dapatkan Bab Tiga | 17 | 1 | - | - | 3 | - | 30 |

Jadual 3: Taburan Riwayat Hadith *al-Munabbihāt ‘Alā al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād*

Menurut pemerhatian penulis, pengarang karya *al-Munabbihāt ‘Alā al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād* telah menukilkan sebanyak 50 buah hadith secara *marfū'*, iaitu dengan cara menyebutkan nama periyawat hadith atau dengan cara terus menyandarkannya kepada Rasulullah s.a.w. Selebihnya, sebanyak sebuah hadith dinukilkan dengan cara yang tidak dapat dikenal pasti, lantaran pengarang karya hanya menyebutkan teks hadith sahaja. Setelah kajian dilaksanakan, penulis mendapati hanya 17 buah hadith sahaja yang ditemui diriwayatkan secara *marfū'*. Sebanyak sebuah hadith ditemui bertaraf *mawqūf*, dan sebanyak tiga buah hadith ditemui bukanlah hadith, sebaliknya merupakan kata-kata *hukamā'*. Selebihnya, sebanyak 30 buah hadith tidak ditemui riwayatnya.

4.2.3 Rumusan

Berdasarkan penelitian terhadap hasil kajian, penulis menganggarkan bahawa pengarang meriwayatkan hadith secara makna dan kemudian menuilkannya secara *marfū'* kepada Rasulullah S.A.W.

Hal ini dapat diketahui daripada hasil pencarian teks hadith yang tidak berjaya ditemukan. Lafaz hadith yang ditemui tidak menyamai lafaz hadith asal yang dinukilkhan di dalam karya *al-Munabbihāt ‘Alā al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād*. Unsur periwayatan hadith secara makna boleh membawa kepada kesalahan dan ketidaktepatan lafaz hadith, salah susun atur lafaz, berlaku pertambahan dan pengurangan dalam teks hadith.

Pengarang karya juga kurang berhati-hati dalam penyandaran sesebuah hadith kepada Rasulullah S.A.W secara *marfū'*, di mana hampir kesemua hadith yang ditemui, beliau nukilkhan secara *marfū'*, walaupun sebenarnya bukan semua hadith tersebut berstatus *marfū'*.

4.3 Analisis Sumber Rujukan Hadith Dalam Karya *Al-Munabbihāt ‘Alā Al-Isti’dād Li Yawm Al-Ma’ād*

Pada bahagian ini, satu analisis telah dijalankan mencakupi soal kekerapan sumber, bentuk dan kategori sumber. Bahagian ini akan diakhiri dengan sebuah rumusan.

4.3.1 Kekerapan Sumber

Sepanjang pemerhatian, pengarang karya *al-Munabbihāt ‘Alā al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād* tidak menyebut sebarang sumber saat beliau menukilkan hadith di dalam karyanya ini. Justeru, satu analisa telah dilakukan bagi mengenal pasti sumber rujukan bagi hadith-hadith yang dinukilkhan tersebut. Analisa mengenal pasti sumber hadit ini

dilakukan ke atas semua jenis sumber, samada berbentuk *maṣādir al-aṣliyyah*, *maṣādir syibh al-aṣliyyah* mahupun *maṣādir ghayr al-aṣliyyah*.

| Bil | Nama Kitab | Pengarang | Jumlah Hadith |
|-----|---|----------------------|---------------|
| 1 | <i>Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn</i> | Al-Għazālī | 3 |
| 2 | <i>Mu'jam al-Kabīr</i> | Al-Ṭabrānī | 1 |
| 3 | <i>Mīzān al-I'tidāl</i> | Al-Dhahabī | 1 |
| 4 | <i>Al-Durar al-Muntatharah Fī Aḥādīth al-Musytahirah</i> | Al-Suyūṭī | 1 |
| 5 | <i>Kasyf al-Khafā'</i> | Al-'Ajlūnī | 2 |
| 6 | <i>Musnad al-Ṭayālisi</i> | Al-Ṭayālisi | 1 |
| 7 | <i>Mu'jam Ibn 'Asakir</i> | Ibn 'Asakir | 1 |
| 8 | <i>Musnad al-Firdaws</i> | Al-Daylami | 1 |
| 9 | <i>Mustadrak 'Alā al-Ṣahīhayn</i> | Al-Ḥākim | 1 |
| 10 | <i>Bariqah Maḥmūdiyyah Fī Syarh Ṭariqah Muḥammadiyyah Wa Syari'ah Nabawiyah</i> | Abū Sa'īd al-Khādimī | 1 |
| 11 | <i>Tafsir al-Kasīṣyāf</i> | Al-Zamakhṣyārī | 1 |
| 12 | <i>Siyar al-A'lām al-Nubalā'</i> | Al-Dhahabī | 1 |
| 13 | <i>Akhbār Aṣbahān</i> | Abū Nu'aym | 1 |
| 14 | <i>Kanz al-'Ummāl</i> | Al-Muttaqī al-Hindī | 1 |
| 15 | <i>Tārīkh Dimasyq</i> | Ibn 'Asākir | 1 |
| 16 | <i>Al-Muṣannaf</i> | Ibn Abī Syaibah | 1 |
| 17 | Tidak diketahui sumber asal | - | 15 |
| 18 | Tidak ditemui sumber | - | 17 |

Jadual 4: Taburan Sumber Hadith *al-Munabbihāt 'Alā al-Isti'dād Li Yawm al-Ma'ād*

Sebagaimana maklum, hadith-hadith yang ditemui sebenarnya dinukilkhan di dalam lebih daripada sebuah karya. Justeru, penulis tidaklah merekodkan kesemua nama-nama karya tersebut. Sebaliknya, penulis hanya menyenaraikan nama hanya sebuah karya yang menukilkan hadith yang paling hampir lafaznya dengan lafadz yang dinukilkhan di dalam karya *al-Munabbihāt 'Alā al-Isti'dād Li Yawm al-Ma'ād*.

Menurut keputusan analisa, sebanyak 17 buah hadith yang langsung tidak ditemui dari mana-mana sumber. Sebanyak 15 buah hadith yang bermasalah pada teksnya, tidak penulis ketahui sumber asalnya.

Selebihnya, sebanyak 19 buah hadith telah ditemukan sumbernya, dengan tiga buah hadith direkodkan sebagai dapatan analisa tertinggi bersumberkan daripada karya *Iḥyā 'Ulūm al-Dīn*. Sebanyak dua buah hadith ditemui dalam karya *Kasyf al-Khafā'*, dan selebihnya hanya sebuah hadith direkodkan ditemui dalam pelbagai sumber.

4.3.2 Bentuk Dan Kategori Sumber

Sebagaimana yang telah dinyatakan pada bahagian 4.3.1, sebanyak 32 buah hadith tidak penulis ketahui sumbernya. Namun, hadith-hadith yang telah berjaya ditemukan, ditemui direkodkan dalam pelbagai jenis dan kategori sumber. Berikut adalah bentuk dan kategori sumber yang telah ditemui sepanjang analisa dilakukan.

| Bil | Bentuk dan katagori sumber | Jumlah Hadith |
|-----|--|---------------|
| 1 | <i>Al-Saḥīḥ</i> | - |
| 2 | <i>Al-Sunan</i> | - |
| 3 | <i>Al-Masāniḍ</i> | 2 |
| 4 | <i>Al-Ma'ājim</i> | 2 |
| 5 | <i>Al-Muṣannafāt</i> | 1 |
| 6 | <i>Al-Mustadrakāt Wa al-Mustakhrajāt</i> | 1 |
| 7 | <i>Al-Adāb Wa al-Raqā'iq</i> | 4 |
| 8 | <i>Al-Takhrij</i> | 4 |
| 9 | <i>Al-Tārīkh</i> | 2 |
| 10 | <i>Al-Tarājum Wa al-Rijāl</i> | 1 |
| 11 | <i>Al-Tafāsīr</i> | 1 |
| 12 | Tidak diketahui sumber | 32 |

Jadual 5: Taburan Bentuk dan Kategori Sumber Hadith

Keputusan analisa menunjukkan tiada sebarang hadith ditemui daripada sumber karya samada sumber tersebut berbentuk *al-saḥīḥ* ataupun *al-sunan*. Rekod tertinggi jumlah hadith yang ditemui adalah sebanyak empat buah hadith, ditemukan dalam sumber karya berbentuk *al-adāb wa al-raqā'iq* dan karya *al-takhrij*.

Sebanyak dua buah hadith ditemui masing-masing dari sumber karya berbentuk *al-masāniḍ*, *al-ma'ājim* dan *al-tārīkh*. Selebihnya, hanya sebuah hadith ditemui masing-masing dari sumber *al-muṣannafāt*, *al-mustadrakāt wa al-mustakhrājāt*, *al-tarājum wa al-rijāl* dan *al-tafāsīr*. Sebanyak 32 buah hadith tidak diketahui sumbernya.

4.3.3 Rumusan

Oleh kerana karya ini adalah karya berbentuk peringatan tentang hari kebangkitan, maka kebanyakan hadithnya ditemukan di dalam sumber karya berbentuk *al-adāb wa al-raqā'iq*. Penemuan juga membuktikan bahawa hadith-hadith yang dinukilkan tidak dipetik daripada *maṣādir asliyyah* yang *sahīh*. Sebaliknya, kebanyakan hadith dipetik dari sumber kedua, iaitu *maṣādir syibh al-asliyyah* dan *maṣādir ghayr al-asliyyah*.

4.4 Analisis Status Hadith Dalam Karya *Al-Munabbihāt 'Alā Al-Isti'dād Li Yawm Al-Ma'ād*

4.4.1 Status Hadith Dan Kekerapannya

Berikut adalah keputusan analisa berkaitan status hadith-hadith di dalam karya *al-Munabbihāt 'Alā al-Isti'dād Li Yawm al-Ma'ād*. Katagori status hadith dan kekerapannya boleh di lihat di dalam jadual di bawah.

| Bil | Status | Kekerapan | | Katagori |
|-----|-------------------------|-----------|-------------|---------------|
| | | Jumlah | Peratus (%) | |
| 1 | <i>Sahīh</i> | 1 | 1.96% | <i>Maqbūl</i> |
| 2 | <i>Hasan</i> | 1 | 1.96% | |
| 3 | <i>Hasan Li Ghayrih</i> | 1 | 1.96% | |
| 4 | <i>Daīf</i> | 8 | 15.7% | <i>Mardūd</i> |
| 5 | <i>Daīf Jiddan</i> | 1 | 1.96% | |
| 6 | <i>Mawdū'</i> | 6 | 11.76% | |

| | | | | |
|---------------|------------------------|----|-------|-----------------|
| 7 | Tidak diketahui status | 3 | 5.88% | Tidak diketahui |
| 8 | Tidak ditemui | 30 | 58.8% | |
| JUMLAH | | 51 | 100% | |

Jadual 6: Taburan Status Hadith *al-Munabbihāt ‘Alā al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād*

Keputusan analisa menunjukkan hanya sebuah hadith berstatus *sahīh* ditemui. Hanya tiga buah hadith sahaja ditemui berkategorikan *maqbūl*, iaitu dua buah hadith masing-masing berstatus *sahīh* dan *haṣan* serta sebuah hadith lagi berstatus *haṣan li ghayrih*.

Sebanyak 15 buah hadith pula dikatagorikan sebagai *mardūd*, iaitu sebanyak lapan buah hadith berstatus *da’if*, sebuah hadith berstatus *da’if jiddan* dan enam buah hadith berstatus *mawḍū’*. Kategori hadith yang tidak diketahui mengungguli keputusan analisa. Sebanyak 33 buah hadith ditemukan dalam katagori ini, dengan perincian tiga buah hadith berstatus tidak diketahui dan 30 buah hadith berstatus tidak ditemui.

4.4.2 Rumusan

Lantaran hadith-hadith yang dinukilkkan ini bukan bersumberkan daripada *maṣādir asliyyah* yang *sahīh*, maka hanya sebuah hadith sahaja yang bertaraf *sahīh* ditemui. Sebuah hadith sahaja yang berstatus *haṣan* ditemui dan sebuah hadith yang dinaik taraf daripada berstatus *da’if* menjadi *haṣan li ghayrih* hasil sokongan kepelbagaiannya jalan periwatan.

4.5 Kesimpulan

Sebagai penutup kepada bab ini, beberapa kesimpulan dapat dikemukakan hasil daripada analisa yang dijalankan. Penulis menyimpulkan bahawa bukan semua hadith di dalam karya *al-Munabbihāt ‘Alā al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād* berstatus *marfū’* sebagaimana yang didakwa oleh pengarang. Penulis mendapati bahawa taburan jumlah hadith pada setiap bab direkodkan tidak sekata.

Penulis juga ingin menyimpulkan bahawa periwayatan hadith secara makna sebagaimana yang telah dilakukan oleh pengarang telah menyebabkan banyak teks hadith tidak ditemui dengan lafaz sebagaimana yang sepatutnya. Malahan, masalah ini turut menyebabkan berlaku *syadħ*, sehingga menjaskan status hadith pada teks hadith, lantaran perbezaan teksnya dengan teks hadith yang diriwayatkan oleh periwayat hadith yang lebih *thiqah* daripadanya.

Hadith-hadith yang dinukilkhan di dalam karya ini tidak bersumberkan dari karya-karya hadith *sahīḥ* yang muktabar. Lantaran itu, tiada sebarang hadith berstatus *sahīḥ* ditemukan. Hanya tiga buah hadith sahaja yang boleh diterima pakai sebagai hujah. Selebihnya, sebanyak 48 buah hadith tidak boleh diterima, sama ada kerana dikategorikan sebagai *mardūd*, atau kerana tidak ditemui sumbernya.